

CORAK KEPIMPINAN MAHATHIR MOHAMAD DALAM DASAR LUAR MALAYSIA-JEPUN 1981-2003

Nor Azlina binti Endut, Rohaini binti Amin

norazlina@kuis.edu.my, rohaini@kuis.edu.my

*Pusat Pengajian Teras
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)*

ABSTRAK

Tun Dr. Mahathir Mohamad merupakan seorang negarawan yang mentadbir Malaysia dalam tempoh yang agak panjang iaitu selama 22 tahun. Dalam tempoh itu, beliau telah membawa banyak perubahan kepada Malaysia yang ternyata memberi kesan mendalam terutamanya dalam pembentukan dasar luarnya. Sejarah Malaysia telah membuktikan bahawa pengaruh Barat terutama dari Britain banyak mempengaruhi pembentukan dasar luar Malaysia sebelum dan selepas kemerdekaan khususnya pada era tiga Perdana Menteri sebelum kepimpinan Perdana Menteri keempat, Tun Dr. Mahathir Mohamad. Sehubungan itu, kajian ini akan menelusuri corak kepimpinan dasar luar Malaysia-Jepun era Tun Dr. Mahathir Mohamad yang telah melakukan perubahan yang besar dalam pembentukan hala tuju pembangunan Malaysia apabila mula berpaling ke arah negara Asia Timur dengan melaksanakan konsep Dasar Pandang ke Timur.

Kata kunci: *Dasar luar, Corak Kepimpinan, Dasar Pandang ke Timur.*

Pengenalan

Tun Dr. Mahathir Mohamad¹ merupakan Perdana Menteri Malaysia yang keempat menggantikan Tun Hussein Onn pada 16 Julai 1981 dan telah memegang tampuk pemerintahan sehingga Oktober 2003. Biar pelbagai kritikan diterima sama ada dari dalam maupun luar negara, tidak boleh dinafikan Mahathir Mohamad telah membawa Malaysia ke arah pemodenan dan memacu hala tuju yang baru. Tidak ramai pemimpin dunia yang berpeluang dan berkeupayaan melakukan seperti yang dilakukan oleh beliau lebih-lebih lagi memimpin sebuah negara dunia ketiga ke arah pembangunan yang pesat serta dipandang tinggi oleh negara lain.

Kehadiran Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri sememangnya meninggalkan implikasi yang sangat besar kepada negara dalam semua bidang merangkumi politik,

¹ Selepas ini ditulis sebagai Mahathir Mohamad.

ekonomi dan sosial. Dengan peneguhan kuasa dan kesinambungan setiap visinya telah meletakkan satu tahap pemikiran yang serius kepada masyarakat bahawa era Mahathir Mohamad telah didominasi kehadirannya beserta dengan "turun dan naik" daripada setiap perkara yang berlaku dan meletakkan pegangan atau ideologi Mahathirisme sebagai satu ideologi yang istimewa (Khoo, 1995).

Mahathir Mohamad dilahirkan pada 20 Disember 1925 di Seberang Perak, Alor Setar, Kedah, Beliau memulakan kerjayanya sebagai seorang doktor di sebuah pekan kecil dan kemudiannya menjadi ahli parlimen pada tahun 1960-an sebelum dilantik menjadi Perdana Menteri serta turut menjadi jurucakap kepada negara-negara dunia ketiga pada tahun 1980-an. Perkembangan politik Mahathir Mohamad boleh dianggap sebagai evolusi yang berlaku dalam hidupnya bermula sebagai penulis di akhbar New Straits Times.

Kepimpinan Mahathir Mohamad sering menjadi topik perbincangan dan kajian oleh pelbagai lapisan masyarakat. Beliau amat dikenali dengan corak kepimpinan yang berbeza daripada barisan Perdana Menteri sebelumnya. Melalui pelbagai saat kesukaran dalam kepimpinannya, Mahathir Mohamad telah berjaya merentasi segala rintangan dengan jayanya. Tambahan pula beliau sering menekankan kepada semua masyarakat Malaysia dari pelbagai lapisan masyarakat untuk menerima perubahan demi masa depan yang lebih baik.

Definisi dan Konsep Dasar Luar

Negara sebagai aktor politik antarabangsa berupaya mengadakan interaksi dan menjalin hubungan baik dengan aktor-aktor lainnya demi mencapai kepentingan nasional masing-masing. Bagi mencapai kepentingan nasionalnya yang maksimum, negara menggunakan instrumen yang dikenali sebagai dasar luar. Dasar luar sesuatu negara merupakan tindakan atau polisi yang merujuk kepada persekitaran luaran dalam mempertahankan dan memperjuangkan kepentingan nasional di samping menjaga keselamatan wilayah, pertumbuhan ekonomi dan mempertahankan kemerdekaan negara (Duncan, 2002).

Dasar luar merupakan kesinambungan pelaksanaan dasar luar negeri. Dalam konteks lebih mudah, dasar luar Malaysia disebut "berusaha untuk menjalin hubungan baik dengan negara-negara lain tanpa mengira ideologi politik mereka tetapi tertakluk kepada syarat tidak campurtangan di dalam hal ehwal dalaman negara-negara lain". Dasar luar adalah elemen utama dalam hubungan antarabangsa sesebuah negara dan adalah mustahil untuk memahami hubungan antara negara tanpa memahami dasar luar negara tersebut.

Dasar luar juga merujuk kepada bagaimana sesebuah negara menguruskan hubungannya dengan negara lain. Hubungan tersebut berkaitan ekonomi dan perdagangan, politik mahupun strategik, kebudayaan dan juga pendidikan. Dasar luar berperanan di peringkat antarabangsa bagi memastikan kedaulatan sesebuah negara tidak diancam oleh musuh dari luar yang mungkin terdiri dari negara-negara jiran atau kuasa besar. Negara akan mempertahankan kedaulatan wilayahnya, malah sanggup berperang kerana mempertahankan hak tersebut. Oleh itu, kekuatan tentera tidak bermakna jika di peringkat antarabangsa sebuah negara itu tidak mempunyai rakan kerana perkara ini akan membahayakan ‘survivalnya.’

Menurut Hee Men et. al (2005), dasar luar dibahagikan kepada dua bentuk, iaitu hubungan bilateral (hubungan secara terus dengan negara-negara tertentu) dan hubungan multilateral (hubungan dengan lebih dari dua buah negara dalam bentuk kumpulan dan pertubuhan seperti ASEAN, PBB, KOMANWEL dan lain-lain). Dasar luar juga merupakan polisi dalam menjalani perhubungan antarabangsa dengan negara lain dan tindakan yang diambil oleh pembuat dasar sesuatu kerajaan untuk membentuk dan menyelesaikan sesuatu masalah. Ia merupakan strategi atau tindakan untuk menghapus, mengurang, mengekal atau memperluaskan kerjasama antara negara.

Corak Kepimpinan Dasar Luar Mahathir Mohamad

Malaysia merupakan sebuah negara yang dilihat mempunyai kestabilan dan kekuahan dari segi pembangunan politik, ekonomi dan sosiobudaya yang harmoni. Sebagai sebuah negara yang membangun dan juga menuju era negara maju, Malaysia telah berusaha mengukuhkan kedudukannya melalui mekanisme dasar luarnya. Dasar luar sesebuah negara lazimnya akan mencerminkan pencapaian dan juga kejayaan pentadbiran negara itu sendiri. Namun demikian ia turut dipengaruhi oleh bentuk dan orientasi dasar luar yang dijalankan oleh seseorang pemimpin di sesebuah negara.

Gaya dan pendekatan dalam mengumumkan dasar luar negara Malaysia mungkin berbeza mengikut personaliti setiap Perdana Menteri Malaysia. Mengikut kajian yang dibuat oleh penyelidik-penyalidik di negara ini menunjukkan bahawa dasar luar negara Malaysia sejak 1957 memperlihatkan perkembangan yang stabil dan mempunyai ciri perubahan ketara mengikut perubahan dalam pengawasan politik Malaysia (Rusdi Omar, 2005).

Perubahan yang lebih ketara terjadi apabila Mahathir Mohamad mengambil alih jawatan sebagai Perdana Menteri yang keempat pada tahun 1981 sehingga 2003. Pendirian dasar luar negara Malaysia lebih banyak berorientasikan ekonomi daripada sebelum ini, ditambah dengan pembelaan yang kuat dan bersemangat kebangsaan untuk menjaga hak, kepentingan dan aspirasi negara membangun. Penggubalan dasar luar

negara semasa era Mahathir Mohamad banyak dipengaruhi oleh peribadinya. Pengaruh dan dominannya ke atas dasar luar lebih kukuh walaupun tidak menjadi Menteri Luar. Di bawah pemerintahannya, penggubalan dasar luar seolah-olah telah dipindahkan ke Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Luar beserta Menterinya mungkin berfungsi dari sudut pelaksanaan dasar tersebut. Hal ini mencerminkan mengenai tindakan beliau mengatur secara teliti dalam pengambilan keputusan melaksanakan dasar luar Malaysia (Faridah Jaafar, 2007).

Segala perubahan strategik yang dibawa beliau adalah lebih mirip kepada program pembangunan pemodenan efektif yang telah dibawa oleh pemimpin China, Deng Xiaoping² ke atas negaranya yang mempunyai jumlah penduduk terbesar di dunia. Mahathir Mohamad dan Deng disifatkan sebagai pemimpin negara Timur yang melakar sejarah tersendiri kerana telah melaksanakan konsep pembangunan yang diadaptasi daripada prinsip masyarakat Jepun iaitu kaizen³ dan tidak menjadikan Barat sebagai model pembangunan negara (Aziz Zariza Ahmad, 1997).

Namun begitu, Mahathir Mohamad amat percaya bahawa setiap individu seharusnya mempunyai idea dan keupayaan untuk merealisasikannya. Beliau telah tampil dalam pemerintahannya dengan cara dan visi yang tersendiri. Hal ini dapat dilihat apabila beliau amat menitikberatkan kejayaan dan kelangsungan kerajaan di bawah pimpinannya berbanding perjuangan politik yang bersifat peribadi. Baginya, rakan-rakan sekerja dan setiap pengikutnya memainkan peranan penting dalam perancangan dan pelaksanaan dasar yang dijalankan.

Beliau dikatakan kadang kala tampil dengan gaya yang agak sinis dan sompong namun kepimpinan beliau sebenarnya menggabungkan sifat-sifat keyakinan dan ketegasan yang tinggi. Beliau melakarkan ciri-ciri yang berbeza daripada tradisional Melayu malahan turut berbeza daripada kepimpinan beberapa pemimpin terdahulu. Hal ini merupakan kekuatan dan keunikan yang terdapat pada kepimpinannya. Beliau juga sering dilihat memberi ucapan atau bertindak seolah-olah mengenepikan sikap diplomasi dan tidak menitikberatkan kepentingan hubungan interpersonal. Walaubagaimanapun, beliau tidak pernah menuntut penghormatan diberikan kepadanya malahan pada masa yang sama tidak juga menunjukkan sikap penghargaan

² Deng Xiaoping merupakan ahli politik, negarawan, pakar teori dan diplomat China. Sebagai pemimpin Parti Komunis China, beliau merupakan seorang reformis yang membawa perubahan kepada China ke arah pasaran ekonomi yang berjaya. Deng diangkat sebagai pemimpin tertinggi (Paramount leader) iaitu pemimpin yang memegang jawatan-jawatan sebagai Setiausaha Agung Jawatankuasa Pusat Parti Komunis China, Presiden Republik Rakyat China dan Pengerusi Suruhanjaya Ketenteraan Pusat di Republik Rakyat China dari tahun 1978 sehingga awal 1990-an.

³ Kaizen bermaksud penambahaikan atau perubahan ke arah yang lebih baik merujuk kepada falsafah atau pelaksanaan yang berfokus kepada penambahbaikan yang berterusan dalam proses perkilangan, kejuruteraan, proses sokongan perniagaan dan pengurusan yang diadaptasi dalam sektor kerajaan, kesihatan, perbankan dan lain-lain.

yang berlebihan sewenang-wenangnya kepada mana-mana pihak termasuklah kepada negara-negara berkuasa besar.

Pentadbiran Mahathir Mohamad banyak menyaksikan perubahan dilaksanakan termasuklah pada dasar luarnya. Namun, pada masa yang sama juga, beliau berjaya meletakkan kewaspadaan ke atas negara-negara Barat terhadap Malaysia kerana walaupun Malaysia sebuah negara kecil, Malaysia tetap mempunyai peranan dan tanggungjawab yang sama seperti negara-negara di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Dasar luar Malaysia yang digariskan oleh beliau dilihat lebih kepada anti Barat. Walaubagaimanapun, beliau melihat dasar yang dilaksanakannya adalah sebagai tindakan untuk mengurangkan sentimen anti Barat. Hal ini kerana Malaysia meletakkan hubungan persahabatan dengan negara-negara lain berdasarkan sikap saling menghormati dan persefahaman. Ketegasan beliau dalam meletakkan Malaysia dalam sesuatu isu adalah sejajar dengan sifat nasionalismenya (Aziz Zariza Ahmad, 1997).

Bermula dengan penulisan buku *The Malay Dilemma*, beliau turut menulis sebuah buku yang bertajuk *The Challenge* pada tahun 1970-an. Buku ini agak bertentangan hasil penulisannya berbanding buku *The Malay Dilemma*. *The Challenge* telah banyak mempengaruhi pentadbiran beliau terutamanya dalam penggubalan dasar strategik ke atas negara. Mahathir di dalam buku tersebut telah menekankan mengenai keperluan untuk kaum Melayu bersedia menghadapi kepelbagaian dalam nilai-nilai masyarakat terutamanya apabila pengaruh Barat telah mula meresap ke dalam norma masyarakat Malaysia.

Hal ini menunjukkan betapa Mahathir Mohamad membawa pengaruh yang besar dalam kehidupan rakyat dan negara. Jika sebelum ini dasar luar Malaysia menjadikan kuasa barat sebagai *role-model*, namun kehadiran Mahathir Mohamad dalam pemerintahan negara telah mengubah corak tersebut. Penekanan kepada Dasar Pandang ke Timur selaras dengan hasrat beliau untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang dihormati dengan mengambil sikap menongkah arus dalam menangani karenah dan cabaran negara-negara Barat yang lain.

Dasar Luar Malaysia-Jepun era Mahathir Mohamad

Apabila Mahathir Mohamad menjadi Perdana Menteri pada tahun 1981, beliau tetap meneruskan dasar perdagangan pintu terbuka. Beliau berpendapat, monopoli Britain mesti dipecahkan supaya ekonomi Malaysia tidak berada di bawah pengaruh Barat. Dasar kolonial sememangnya menganggap sikap Malaysia yang terlalu menjaga kepentingan nasionalnya sebagai suatu yang negatif. Pendirian Malaysia menegaskan bahawa 'zaman Malaysia sekarang adalah zaman bertindak, bukan lagi zaman bekas anak jajahan yang boleh diperbudak-budakkan' (Rusdi Omar et.al 2005).

Selaras dengan itu, rakyat disyorkan supaya bersedia menerima kenyataan bahawa Timur itu tidak selalunya lemah dan Barat itu tidak selalunya hebat. Justeru, di bawah pimpinan Mahathir Mohamad, beliau mengejutkan negara dengan satu perubahan dalam dasar yang ingin dilaksanakan dengan menjalankan dasar luar negara yang begitu berbeza dengan tiga Perdana Menteri sebelumnya. Untuk tujuan ini, Dasar Pandang ke Timur telah diumumkan dan mula dilaksanakan bermula tahun 1982.

Selama lebih dua dekad mengetuai kerajaan Malaysia pelbagai perubahan dari segenap aspek telah dilakukannya sama ada di peringkat domestik maupun yang melibatkan hubungan dan dasar luar negara. Kerajaan yang ditadbir beliau telah berjaya membawa Malaysia menjadi salah sebuah Negara Perindustrian Baru (NIC) menerusi program pembangunan yang menjana pendapatan negara ke peringkat yang lebih tinggi. Dalam hubungan antarabangsa pula, beliau melakukan perubahan besar dengan menamatkan "hubungan istimewa" yang dijalankan dengan Britain dan menjadi perwira bagi negara-negara membangun dan Dunia Ketiga.

Pendekatan dalam pelaksanaan dasar luar era Mahathir Mohamad telah dikatakan berubah daripada sebuah dasar yang berfokus kepada pertahanan dan keselamatan negara yang dibawa oleh Perdana Menteri terdahulu menjadi sebuah dasar luar yang lebih moden dan bersifat tegas dalam mengimplementasikan diplomasi yang melibatkan hal-hal komersil dan pembangunan negara.

Dasar Pandang ke Timur (DPT), iaitu satu dasar luar Malaysia yang berkiblatkan kepada negara-negara Asia Timur, terutamanya kepada negara Jepun dan Korea. Pelbagai dasar dibuat dalam usaha bagi menjadikan Malaysia sebagai salah sebuah negara yang sedang menuju ke arah negara maju yang disegani. Keadaan ini mendorong Malaysia menjadikan negara Jepun sebagai sebuah negara yang perlu dicontohi. Kemajuan pembangunan ekonomi yang begitu mendadak mengatasi negara-negara Barat dalam jangka masa yang singkat menyebabkan pemimpin negara ini mengakui bahawa kuasa Timur juga mampu menyamai kuasa Barat dan ini secara tidak langsung mendorong kepada pelaksanaan Dasar Pandang ke Timur.

Malalui dasar luar Malaysia dengan Jepun, Dasar Pandang ke Timur telah diumumkan oleh Mahathir Mohamad pada 8 Februari 1982 semasa Persidangan 5th Joint Annual Conference of MAJEC/AJAMECA di Hilton Kuala Lumpur. Dasar ini bermakna pihak kerajaan akan membuat pengkajian, penelitian dan pemilihan terhadap contoh-contoh dan teladan yang terbaik daripada negara Jepun dengan mengubahsuaikannya dengan keadaan-keadaan di Malaysia. Negara Jepun merupakan sebuah negara yang begitu pesat membangun di dalam beberapa bidang dan lebih maju dari beberapa negara Barat sendiri.

Kejayaan Jepun ini boleh dijadikan contoh dan teladan kepada Malaysia dan seterusnya diperaktikkan bagi mencapai matlamat pembangunan negara dengan meninggikan

prestasi pengurusan dan pembangunan sektor awam dan swasta (<http://pmr.penerangan.gov.my>). Pelaksanaan Dasar Pandang Ke Timur merupakan satu usaha baik dan positif dari pihak kerajaan Malaysia untuk meningkatkan lagi prestasi pengurusan dan pembangunan di negara ini.

Dasar ini juga boleh disifatkan sebagai refleksi dari keperibadian Mahathir Mohamad yang tidak begitu selesa dengan Barat dan ingin mencari nilai-nilai baru dari Timur di dalam membangunkan ekonomi negara. Dalam pencarian tersebut beliau telah mengangkat negara-negara maju seperti Jepun dan Korea untuk dicontohi dan dianggap sebagai *role model* dalam pembangunan negara. Namun Mahathir Mohamad masih mengingatkan dasar ini bukanlah meniru negara Jepun atau Korea secara membuta tuli sebaliknya negara akan bersifat selektif di mana perbezaan sosio-politik dan budaya antara Malaysia dan Jepun akan dijadikan sandaran dalam membuat sebarang keputusan yang bersangkutan dengan dasar ini.

Walaupun Dasar Pandang ke Timur telah diperkenalkan, beliau tidak terburu-buru untuk mengubah dasar-dasar sebelumnya semata-mata untuk meletakkan penanda aras kepada kepimpinannya sebaliknya beliau meneruskan dan melaksanakan penambahbaikan ke atas dasar-dasar utama negara yang lain. Namun begitu, dapat dilihat terdapat beberapa dasar negara yang dilaksanakan bersifat berani dan drastik terutamanya dasar-dasar yang melibatkan negara-negara Barat.

Faktor-faktor yang Mempengaruhi Dasar Luar Mahathir Mohamad

Terdapat beberapa faktor penting yang membawa kepada pembentukan pemikiran dasar luar Mahathir Mohamad yang menjadikan beliau seorang yang sukar diramal dan cara pemerintahannya yang terus menjadi perdebatan ramai. Selain itu, pengalaman sewaktu penjajahan asing banyak mempengaruhi gaya kepimpinan Mahathir Mohamad yang memiliki semangat nasionalisme tinggi untuk mentadbir dan menghasilkan pemerintahan sendiri tanpa campurtangan kuasa asing. Beliau sering mengingatkan rakyat Malaysia supaya tidak mengabaikan sejarah perjuangan menuntut kemerdekaan di samping menggalakkan rakyat Malaysia supaya sentiasa bersatu padu melawan ancaman negara asing untuk menjajah semula Malaysia buat kali keduanya.

Sepanjang hidup beliau, Mahathir Mohamad telah melalui kehidupan di bawah penjajahan tiga kuasa asing iaitu British, Jepun, dan Siam. Beberapa perkara telah diperhatikan oleh beliau yang seterusnya menjadi landasan kepada pemikiran dasar luar beliau. Kekalahan British di tangan Jepun telah memberi keyakinan kepada beliau bahawa orang Barat bukanlah bangsa yang terlalu agung sehingga sukar untuk disaingi. Dengan kejayaan Jepun, beliau menyedari bahawa keteguhan dan disiplin tentera Jepun membolehkan mereka menandingi Barat dan menjadi sebuah kuasa dunia yang kuat

khususnya dari segi ketenteraan. Ini telah menarik perhatian Mahathir Mohamad (1999).

Orang Jepun sudah tentu merupakan orang yang sangat berdisiplin, bertatatertib dalam cara mereka sendiri, dalam cara mereka menabik, dan menyapa ketua mereka. Kesemua ini meninggalkan kesan ke atas diri saya dan kemudiannya menyakinkan saya bahawa dengan disiplin anda boleh menguasai hampir segala perkara. Oleh yang demikian terdapat satu kesedaran di kalangan kami bahawa jika kami mahu, kami boleh menjadi seperti orang Jepun. Kami mempunyai kebolehan untuk memerintah negara kami sendiri dan mampu bersaing pada tahap yang sama dengan orang Eropah.

Mahathir Mohamad disifatkan sebagai perlambangan kepada kekuasaan dan autoriti dalam arena politik tanah air. Lebih daripada itu beliau memancarkan keperibadian yang tersendiri. Beliau mempunyai pelbagai visi dan mengharapkan semua visi tersebut menjadi kenyataan (Jomo, 2010). Hal ini jelas dilihat melalui dominasi beliau ke atas dasar luar Malaysia.

Mahathir Mohamad mempunyai personaliti istimewa yang mendorong kepada proses pembuatan dan pembentukan dasar luar Malaysia. Sifat peribadi beliau merupakan elemen yang sangat kuat dalam menunjang sepanjang pemerintahan beliau sehingga lebih dua dekad dan hal ini dikategorikan sebagai pengaruh dalaman diri atau idiosinkratik (keperibadian seseorang pemimpin). Idiosinkrasi bermaksud '*a mode of behaviour or way of thought peculiar to an individual*'. Faktor idiosinkratik beliau telah dikonstruksikan menerusi tiga aspek utama iaitu penilaian berdasarkan faktor latar belakang, pegangan ideologi politik dan gaya kepimpinan politik yang ditunjukkan.

Banyak pihak yang memperdebatkan mengenai faktor idiosinkratik Mahathir Mohamad ini telah mendorong kepada gaya kepimpinan yang secara langsung memberi kesan ke atas pembentukan dan pelaksanaan dasar luar negara semasa era beliau. Dalam hal ini, faktor idiosinkratik ini telah disifatkan sebagai faktor utama yang membentuk gaya kepimpinan dan pemerintahannya. Mahathir Mohamad disifatkan sebagai seorang pemimpin yang berperibadi kompleks dan sukar diramal oleh pengikut dan musuh-musuh politiknya (Dhillon, 2009). Manakala Khoo (1995) menyatakan mengenai pandangan dunia terhadap Mahathir Mohamad sebagai bersifat kompleks yang berterusan dan sentiasa mengalami bentuk-bentuk perubahan sama ada secara konsisten atau sebaliknya.

Selain faktor idiosinkratik Mahathir Mohamad, pembentukan dasar luar Malaysia juga didorong oleh keperluan politik dan ekonomi domestik. Umumnya, tuntutan-tuntutan domestik yang boleh ditangani oleh dasar luar mempunyai tiga perkara penting. Pertama boleh dikenalpasti sebagai tindak balas terhadap ancaman keselamatan di

dalam arena politik domestik seperti yang dilihat di negeri-negeri Malaysia. Misalnya, kira-kira dalam dekad pertama tempoh kepimpinan Mahathir Mohamad, dasar luar Malaysia didorong oleh paksaan ideologi yang kuat yang dijanakan oleh perjuangan yang berterusan dalam menentang Parti Komunis Malaya (PKM) oleh kerajaan Malaysia yang tamat pada tahun 1989 (Nathan, 1998).

Perkara kedua dalam dasar luar Mahathir Mohamad berkait rapat dengan keperluan ekonomi domestik dan keselamatan ekonomi Malaysia. Hakikat bahawa dasar luar Mahathir Mohamad mempunyai sokongan kuat daripada ekonomi digambarkan oleh hakikat bahawa tiga daripada inisiatif dasar luar utamanya iaitu Buy British Last, Dasar Pandang ke Timur dan Kaukus Ekonomi Asia didorong oleh kepentingan ekonomi. Dimensi ketiga dalam dasar luar merujuk kepada dorongan domestik kepada hubungan antara nasionalisme Malaysia dengan dasar luar.

Hujah ini turut disokong oleh Khoo (1995) yang menyebut dasar luar Mahathir Mohamad sebagai “nasionalis Melayu paling masyhur bagi generasinya dan beliau telah merubah dirinya menjadi seorang nasionalis yang baharu” manakala Nathan (1998) berpendapat “negara Malaysia melalui pembuat dasar utama, mencipta dasar keselamatan nasional yang berakar umbi daripada pengalaman sejarahnya yang unik dan menjadikan negara ini maju selepas mencapai kemerdekaan.”

Antara faktor lain yang tidak harus dilepaskan daripada perhatian dalam pembentukan dasar luar Mahathir Mohamad ialah tuntutan politik antarabangsa seperti pertimbangan peluang-peluang dan cabaran-cabaran pasca Perang Dingin dengan kemunculan dimensi ekonomi yang penting dalam politik antarabangsa dan bagaimana Mahathir Mohamad bertindak balas terhadap isu tersebut dalam pembinaan dasar luar Malaysia. Begitu juga dengan isu inisiatif Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) bagi konsep Zone of Peace, Freedom and Neutrality (ZOPFAN) yang diketuai oleh Malaysia dan implikasinya terhadap keselamatan negara serta isu-isu antarabangsa yang lain.

Penutup

Dasar luar merupakan salah alat yang tidak boleh dipisahkan dalam sesuatu hubungan antarabangsa sesebuah negara. Malah ia menjadi pertimbangan utama dalam menjalinkan sesuatu hubungan dengan negara lain di dunia. Malaysia juga tidak terkecuali dalam perkara berkait dasar luar ini. Malaysia mula mengambil tanggungjawab menjaga hal ehwal luarnya sebaik sahaja negara bebas dan merdeka dari penjajahan Inggeris pada 31 Ogos 1957. Sebelum mencapai kemerdekaan, Tanah Melayu tidak diberi kebebasan dan hak untuk mengendalikan dasar luarnya sendiri dan hanya diwakili oleh diplomat-diplomat Inggeris.

Keadaan itu mula mengalami transformasi apabila Tanah Melayu muncul sebagai sebuah negara merdeka dan berdaulat. Justeru, Perdana Menteri memainkan peranan penting dan berpengaruh dalam menentukan hala tuju dasar luar yang diuruskan secara profesional oleh diplomat-diplomat secara terlatih di Kementerian Luar Negeri atau dikenali sebagai Wisma Putra. Hubungan bilateral dan multilateral dengan sesebuah negara lain amat diperlukan bukan sahaja di peringkat serantau malah pada peringkat antarabangsa bagi menjamin kedudukan dan kepentingan masing-masing. Ini menunjukkan dasar luar merupakan asas bagi meneruskan kesinambungan *survival* negara tersebut. Namun demikian, akan wujud pertelingkahan dan ketidaksefahaman dalam mengamalkan polisi dalaman dan luaran sehingga menyebabkan berlakunya blok-blok negara yang mewakili posisi berbeza. Maka di sinilah pemimpin-pemimpin negara memainkan peranan mereka dalam mencorakkan dasar luar masing-masing.

Perkembangan dasar luar negara di bawah kepimpinan Perdana Menteri yang silih berganti ini menunjukkan tindak balas pragmatik terhadap perubahan geopolitik dan ekonomi pada tempoh tersebut. Untuk terus relevan dengan keperluan negara, dasar luar negara tidak boleh statik. Walaupun perubahan dalam keutamaan menjadi ciri asas bagi dasar luar negara Malaysia, namun kesinambungan juga jelas kelihatan. Perubahan dan kesinambungan ini memperlihatkan tahap keyakinan dan kematangan negara yang lebih tinggi dalam mengendalikan hubungan antarabangsa. Malah, kepimpinan Malaysia turut diiktiraf dalam pelbagai isu yang menarik minat negara-negara membangun.

Pelbagai siri perubahan pada dasar luar negara telah dilaksanakan oleh Mahathir Mohamad setelah mengambil alih tampuk pemerintahan negara. Perkara ini juga telah menyaksikan turun naik dalam hubungan antara Malaysia dengan Jepun. Dengan keyakinan yang tinggi bahawa Malaysia mampu berdiri sama tinggi dan mendapat penghormatan seperti yang diperolehi. Beliau tetap dengan pendiriannya dalam melaksanakan setiap dasar luar negara walaupun mendapat kritikan yang hebat dan beliau sedar akan kesannya ke atas pembangunan negara.

Rujukan

- Chamil Wariya. (1989) *Dasar Lur Era Mahathir*. Fajar Bakti: Petaling Jaya.
- Dhillon, K.S. (2009) *Malaysian Foreign Policy in the Mahathir Era, 1983-2003: Dilemmas of Development*. Singapore: National University of Singapore Press.
- Faridah Jaafar. (2007) *Perdana Menteri dan Dasar Luar Malaysia 1957-2005*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

- Faridah Jaafar. (2012) *Hubungan Ekonomi Antarabangsa Periode Tunku Abdul Rahman dan Dr. Mahathir Mohamad: Satu Kajian Komparatif*. SARJANA, Vol. 27, No.2 pp. 23-27.
- Jomo K. S. (2010) *Warisan Ekonomi Mahathir*, Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd.
- Kartini Aboo Talib@Khalid (pnyt.) (2017) *Dasar Pandang ke Timur: Pencapaian dan Cabaran*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Khoo, B. T. (1995). *Paradoxes of Mahathirism: An Intellectual Biography of Mahathir Mohamad*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Mahathir Mohamad. (1999). *Kebangkitan Semula Asia*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications.
- Rosdi Omar & Sivamurugan Pandian, (2005). Falsafah Pemikiran Politik Dr. Mahathir Mohamad. *Jurnal Kemanusiaan*. Vol.4 (2) pp.78–91.